



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL JALIL
HULU LANGAT, SELANGOR



MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA UNIT SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)

Bilangan Mesyuarat : Bil 1/Tahun 2024

Tarikh : 11 Jun 2024 (Selasa)

Masa : 1.15 ptg – 2.40 ptg

Tempat : Bilik Ibnu Khaldun

Hadir : 7/8

Kehadiran :

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Mohd Jamil bin Abdul Hamid	PK HEM/ Timbalan Pengerusi
2	Suriani bt Mustafa	SU I SPBT
3	Nur Izati bt Noordin	SU II SPBT
4	Nur Anis Syazana binti Rosli	Penyelaras SPBT ting.1
5	Norhayati binti Harun	Penyelaras SPBT ting.2
6	Nurul Nadiah bt Zulkifli	Penyelaras SPBT ting.4
7	Saidatul Aisyah binti Ramlan	Penyelaras SPBT ting.5

Tidak Hadir :

- | | |
|----------------------------------|-----------------|
| 1. Nithiyaa a/p Sakhti Saravanan | Cuti Rehat Khas |
|----------------------------------|-----------------|

1.0 PERUTUSAN TIMBALAN PENERUSI (ENCIK MOHD JAMIL BIN ABDUL HAMID)

- 1.1 Pengerusi menetapkan agenda mesyuarat dengan didahului pengesahan minit mesyuarat yang lalu, perkara berbangkit, laporan setiap AJK dan hal-hal lain.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 2/2023

- 2.1 Pengesahan minit mesyuarat ini dicadangkan oleh Puan Nurul Nadiah bt Zulkifli disokong sebulat suara .

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Tiada perkara berbangkit.

4.0 LAPORAN AKTIVITI SEPANJANG JANUARI HINGGA APRIL

4.1 Pemulangan dan pengagihan buku teks SPBT

4.1.1 Pemulangan dan pengagihan buku teks bagi kegunaan tahun 2023 telah selesai.
Tindakan : Makluman

4.1.2 Unit Spbt memohon supaya tindakan perlu diambil kepada murid yang tidak mengikut jadual pemulangan dan pengagihan yang telah diberikan
Tindakan : Hem

4.1.3 Unit SPBT memohon supaya melibatkan kerjasama unit disiplin semasa pemulangan buku teks tingkatan 5 selepas peperiksaan SPM.
Tindakan : Hem

4.1.4 Pesanan tahun 2025 telah selesai pada bulan Februari 2024
Tindakan : Makluman

4.1.5 Penetapan subjek elektif tingkatan 4 hendaklah dibincangkan oleh pengurusan sebelum bulan Januari setiap tahun.
Tindakan : Makluman

4.1.6 Unit Spbt memohon PK Hem berbincang dengan pengurusan berkenaan tarikh terakhir pertukaran mata pelajaran elektif bagi murid tingkatan 4 diawalkan supaya tidak timbul isu mendapat buku teks tidak lengkap.
Tindakan : PK Hem

4.1.7 Borang SPBTG setiap tingkatan telah selesai dibuat dan diambil tandatangan pengetua
Tindakan : Makluman

4.1.8 Buku stok sedang disiapkan dan dijangkakan akan siap bulan Ogos sepenuhnya.
Tindakan : Makluman

4.1.9 Pemantauan buku teks akan dibuat dari semasa ke semasa oleh AJK buku teks dan Skwad Rakan Buku.
Tindakan : AJK SPBT

5.0 Hal-hal Lain

5.1 Makluman akan dibuat kepada murid semasa pemulangan buku sesi 2024/2025, denda akan dikenakan sebanyak RM 1 bagi sebuah buku yang tidak berbalut dan RM1 setiap buku yang dihantar lewat tanpa alasan yang tulen seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Agung PIBG pada 11 Mei 2024
Tindakan : AJK SPBT

6.0 Ucapan Penangguhan

6.1 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.40 petang dengan bacaan tasbih kafarah dan surah Al-Asr.

Urus Setia,

Suriani

.....
(SURIANI BT MUSTAFA)
Setiausaha
Unit SPBT
Tarikh :19 Jun 2024

Disemak oleh,

Mohd Jamil

.....
(MOHD JAMIL BIN ABDUL HAMID)
Penolong Kanan HEM
SMK Abdul Jalil